



SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 8/ 2012
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

HARI KELEPASAN AWAM BAGI HARI RAYA AIDIL FITRI

Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Hari Kelepasan Awam bagi Negara Brunei Darussalam yang dikhususkan bagi Hari Raya Aidil Fitri adalah dilanjutkan dari dua hari seperti yang berjalan selama ini kepada tiga hari.

2. Ketetapan hari kelepasan awam bagi Hari Raya Aidil Fitri ini adalah berkuatkuasa bermula pada tahun 1433 Hijriah.

3. Sehubungan ini, Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil: 10/2011 (Hari-Hari Kelepasan Awam 2012) bertarikh 26 Ramadhan 1432 bersamaan dengan 27 Ogos 2011 yang antaranya melibatkan hari kelepasan awam bagi Hari Raya Aidil Fitri seperti berikut:

*** Hari Raya Aidil Fitri :**

- Hari Isnin, 2 Syawal 1433
bersamaan 20 Ogos 2012
(sebagai ganti Hari Ahad, 1 Syawal 1433
bersamaan 19 Ogos 2012)
- Hari Selasa, 3 Syawal 1433
bersamaan 21 Ogos 2012

adalah dengan ini dilanjutkan sehingga :

- **Hari Rabu, 4 Syawal 1433**
bersamaan 22 Ogos 2012

(* Tertakluk kepada perubahan)



-2-

Sekian sahaja yang dapat dimaklumkan pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Kasih Membawa Sejahtera, Lalai Membawa Binasa"

(HAJI MOHD. 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HAJI ABDUL SALAM)
Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Rujukan : (08) JPM/SK/2012
Tarikh : 19 Ramadhan 1433
8 Ogos 2012